

MESYUARAT TAHUNAN PUSPANITA JABATAN PERTANIAN 2017



Penulis : Sitti bt Rudin

Foto : Mohd Fadzlee Borhan

Putrajaya, 16 Februari - PUSPANITA Jabatan Pertanian mengadakan Mesyuarat Tahunan 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, MOA mesyuarat tahunan ini menghimpunkan hampir 200 orang ahli PUSPANITA Jabatan Pertanian dari Putrajaya, Serdang dan juga Kuala Lumpur.

Majlis dimulakan dengan ceramah “Keseimbangan Kerjaya Wanita dan Keluarga” yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr Haslinda Abdullah, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015/2016 dipersembahkan dengan persembahan multimedia. Di samping itu mesyuarat diselang-selikan dengan acara cabutan bertuah bagi menggamatkan suasana.

Dalam ucapan Pengerusi PUSPANITA Jabatan Pertanian, Datin Kalthom Mohamed, beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Sesi 2015/2016 atas komitmen dan kerjasama yang diberikan demi menjayakan aktiviti-aktiviti PUSPANITA sepanjang sesi berkenaan dan berharap Ahli Jawatankuasa 2017/2018 yang akan dilantik juga memberikan komitmen sepenuhnya dan melaksanakan mandat yang diamanahkan bagi menzahirkan visi dan misi persatuan. Secara keseluruhan, semua aktiviti yang telah dianjurkan merangkumi pelbagai sudut yang diperlukan samada dari segi meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran, kesihatan, keusahawanan, kesenian, rekreasi dan lawatan.

Datin Pengerusi juga memaklumkan tahun 2016 Puspanita dengan kerjasama Jabatan Pertanian telah berjaya menganjurkan Seminar Agroteknologi dan Keusahawanan di Kolej Pertanian Bukit Tangga, Kedah. Seramai 195 orang peserta telah hadir iaitu terdiri daripada penjawat awam, pelajar dan usahawan. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan khusus dalam pembelajaran teknologi pertanian dan keusahawanan dan menjurus kepada bidang Edible Garden, Teknologi IMO dan Baja Organik, Cendawan *Volvareilla* dan Lebah Kelulut. Dengan penganjuran seminar ini, Puspanita telah dapat menambah dana kewangan sebanyak RM 15,000.00.

Ucapan perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pertanian, Y.Bhg Dato' Ahmad Zakaria Mohamad Sidek mengucapkan tahniah kepada PUSPANITA kerana dari maklumbalas yang diterima, PUSPANITA sangat aktif menjalankan aktiviti-aktiviti, bukan sahaja untuk ahli-ahlinya, malah merangkumi wanita secara amnya. Saya difahamkan pelbagai aktiviti yang dianjurkan setiap bulan samada diperingkat Jabatan, Kementerian atau Kebangsaan, dapatlah saya simpulkan bahawa PUSPANITA adalah sebuah persatuan yang dinamik.

“Saya ingin mengingatkan agar pegawai-pegawai tidak mengambil kesempatan atas sokongan yang diberikan dengan mengabaikan tugas dan tanggungjawab hakiki di Bahagian masing-masing. Dengan pengurusan masa yang bijak, saya percaya kita boleh memberikan tumpuan kepada tugas-tugas hakiki disamping tanggungjawab kepada keluarga serta aktif berpersatuan. Malah, sekiranya penglibatan aktif pegawai di dalam PUSPANITA dapat diimbangi dengan pelaksanaan tugas hakiki yang berkesan, pegawai ini perlu diberi merit atas penglibatan mereka” ujar beliau .

Acara terakhir dalam majlis perasmian adalah penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Sesi 2015/2016 dan upacara memotong Kek Harijadi bagi ahli yang dilahirkan pada bulan Februari 2017.